

Headline	Pasar Tani meriahkan DUN Pantai Kundor setiap hujung minggu		
MediaTitle	MelakaKini		
Date	17 Feb 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	120,000
Page No	23	Readership	360,000
Language	Malay	ArticleSize	375 cm ²
Journalist	Ybrs. Juhari Osman	AdValue	RM 1,315
Frequency	Weekly	PR Value	RM 3,945



Ybrs. Juhari Osman

PENYELARAS PANTAI KUNDUR

Pasar Tani meriahkan DUN Pantai Kundor setiap hujung minggu

MOHAMAD FAZRUL ABDUL MAJID

PANTAI KUNDOR - Masalah yang membelenggu peniaga di kawasan Pantai Rombang setiap hujung minggu berjaya diselesaikan pihak Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Japerun) Pantai Kundor.

Menurut Penyelarasnya, Juhari Osman, sebelum ini kebanyakan peniaga hanya menjalankan perniagaan di tepi-tepi jalan tanpa sistem yang teratur sehingga mengundang kesesakan dan bahaya di kawasan terbabit.

Namun jelasnya, atas inisiatif terbaharu, pihaknya telah memperkenalkan konsep pasar tani di kawasan terbabit dengan menyediakan tapak berniaga yang lebih selamat iaitu memindahkan peniaga-peniaga ke kawasan parkir di Medan Selera Pantai Rombang.

“Sistem baharu ini telah diperkenalkan hujung bulan lalu dan kita melihat keadaan kini lebih teratur dan selamat. Ia juga menggalakkan lebih ramai pengunjung untuk



datang dan membeli belah di kawasan ini,” katanya.

Tambah Juhari, pihaknya juga masih membuka peluang kepada mana-mana peniaga yang berminat untuk berniaga di pasar tani berkenaan.

Jelasnya, sasaran pihaknya ialah seramai 25 peniaga dapat dikumpulkan di kawasan terbabit bagi menambahkan lagi kemeriahan setiap hujung minggu.